



KAJIAN FISIBILITI PASAR TANI KEKAL (PTK) KUALA KRAI, KELANTAN

**YM DR HAJI TUAN MOHD ROSLI TUAN HASSAN
PROF MADYA DR HAJI NIK KAMARUZAMAN HJ ABDULATIFF
PROF MADYA DR HAJI MOHAMAD SAFRI YA
DR NIK NOR HASIMAH NIK ISMAIL
DR ZURINA ISMAIL
NUR NISWAH NASLINA AZID @ MAAROF
SITI HASLINI ZAKARIA**

2017

| | | |
|--------|---|----|
| 3.12 | STATUS PERNIAGAAN | 35 |
| 3.12.1 | Pekerjaan Utama bagi Peniaga Separuh Masa | 36 |
| 3.13 | JUMLAH PENDAPATAN ISI RUMAH | 36 |
| 3.14 | PENGALAMAN BERNIAGA..... | 37 |
| 3.15 | SEBAB-SEBAB BERNIAGA | 37 |
| 3.16 | KEKERAPAN BERNIAGA SEMINGGU | 38 |
| 3.17 | LOKASI USAHAWAN BERNIAGA..... | 39 |
| 3.18 | BILANGAN PEKERJA..... | 39 |
| 3.19 | ANGGARAN JUALAN BULANAN (RM) | 40 |
| 3.20 | JUMLAH PENDAPATAN KASAR (RM) | 40 |
| 3.21 | PENGLIBATAN DALAM KURSUS BERKAITAN | 41 |
| 3.22 | JENIS KURSUS YANG DIHADIRI..... | 41 |
| 3.23 | PENGANJUR KURSUS..... | 42 |
| 3.24 | KURSUS YANG DIKEHENDAKI OLEH PENIAGA..... | 43 |
| 3.25 | PENERIMA GERAN / PINJAMAN | 44 |
| 3.26 | SUMBER GERAN / PINJAMAN..... | 44 |
| 3.27 | KEMAMPUAN PASAR TANI SEDIA ADA | 45 |
| 3.28 | TAHAP KEPUASAN TERHADAP PASAR TANI SEDIA ADA..... | 46 |
| 3.29 | PENGETAHUAN MENGENAI PTK..... | 47 |
| 3.30 | PENDAPAT MENGENAI CADANGAN PENUBUHAN PTK..... | 47 |
| 3.31 | PENDAPAT MENGENAI LOKASI YANG DICADANGKAN | 48 |
| 3.32 | KECENDERUNGAN UNTUK BERNIAGA DI PTK | 48 |
| 3.33 | KESANGGUPAN BERNIAGA | 49 |
| 3.34 | JENIS BARANGAN YANG AKAN DINIAGAKAN | 49 |
| 3.35 | WAKTU PERNIAGAAN | 50 |
| 3.36 | SIGNIFIKAN PENUBUHAN PTK | 51 |
| 3.37 | RUANG NIAGA | 51 |
| 3.38 | KADAR SEWAAN TAPAK/RUANG NIAGA..... | 52 |
| 3.39 | JANGKAAN KEMUDAHAN YANG PERLU ADA DI PTK | 53 |
| BAB 4 | | 54 |
| | DAPATAN KAJIAN B - PENGUNJUNG | 54 |
| 4.1 | PENDAHULUAN | 54 |
| 4.2 | JANTINA | 54 |
| 4.3 | UMUR..... | 55 |
| 4.4 | AGAMA DAN BANGSA..... | 55 |
| 4.5 | TAHAP PENDIDIKAN..... | 56 |

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kuala Krai merupakan jajahan yang kedua terbesar di Kelantan. Kegiatan ekonomi utama penduduk Kuala Krai adalah pertanian. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bercadang untuk membina sebuah tapak pasar tani kekal (PTK) di Kuala Krai bagi membantu penjana ekonomi penduduk sekitar dengan harga yang lebih berpatutan. Bagi melihat kewajaran penubuhan PTK ini, satu kajian fisibiliti telah dijalankan. Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira pandangan daripada 109 usahawan tani dan 226 pengunjung pasar dan pasar tani sedia ada. Maklumat yang diperlukan dijana melalui penggunaan borang kaji selidik yang diedarkan kepada usahawan dan pengunjung serta sesi temubual dengan kumpulan fokus yang terdiri dari wakil agensi-agensi berkaitan iaitu Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai, Majlis Daerah Kuala Krai, Jabatan Kerja Raya, Syarikat Air Kelantan dan Penggawa. Dapatan kajian mendapati permintaan adalah tinggi terhadap barangan segar seperti sayur-sayuran dan buah-buahan, bahan mentah seperti ikan, ayam dan daging, bahan masakan (runcit), dan kuih-muih serta lauk-pauk. Corak permintaan sebegini sangat bertepatan dengan konsep PTK yang dicadangkan. Dapatan kajian memberi gambaran bahawa keperluan untuk menubuhkan PTK di kawasan yang dicadangkan adalah sangat kritikal memandangkan pasar-pasar yang sedia ada di sekitar Kuala Krai hanya beroperasi satu atau dua hari sahaja seminggu kecuali Pasar Borong dan Pasar Besar Bandar yang beroperasi setiap hari. Selain dari itu, pasar dan pasar tani sedia ada juga tidak berupaya untuk memenuhi jangkaan usahawan dan pengunjung terutamanya dalam aspek penyelesaian semasa berurusan dan kemudahan asas yang disediakan. Hasil kajian juga mendapati cadangan penubuhan PTK telah menerima respon yang positif daripada usahawan dan pengunjung. Pengunjung menyambut baik cadangan penubuhan PTK yang beroperasi setiap hari dan usahawan juga telah menzahirkan kesanggupan untuk berniaga di tapak baharu apabila ia siap dibina. Oleh itu kedua-dua pihak sangat bersetuju dengan cadangan konsep dan lokasi sepertimana yang dirancang oleh FAMA dan turut mencadangkan beberapa kemudahan yang perlu disediakan di PTK. Sokongan padu daripada pihak berkuasa tempatan turut memberi gambaran yang jelas bahawa penubuhan PTK di Kuala Krai adalah sangat perlu. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa cadangan penubuhan PTK di Kuala Krai adalah bertepatan bagi menjamin kelestarian ekonomi dan sosial masyarakat setempat.

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| RINGKASAN EKSEKUTIF | 9 |
| PROFIL PENYELIDIK..... | 10 |
| BAB 1..... | 14 |
| PENDAHULUAN | 14 |
| 1.1 PENGENALAN..... | 14 |
| 1.2 JAJAHAN KUALA KRAI | 16 |
| 1.3 RANCANGAN PEMBANGUNAN PEMASARAN HASIL PERTANIAN..... | 18 |
| 1.4 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) | 20 |
| 1.5 PASAR TANI KEKAL (PTK) | 21 |
| 1.6 KAJIAN FISIBILITI..... | 22 |
| 1.7 OBJEKTIF | 23 |
| BAB 2..... | 24 |
| METODOLOGI KAJIAN | 24 |
| 2.1 PENGENALAN..... | 24 |
| 2.2 RESPONDEN..... | 24 |
| 2.3 LOKASI KAJIAN..... | 25 |
| 2.4 RANGKA BORANG KAJI SELIDIK | 25 |
| 2.4.1 Borang Kaji Selidik Usahawan | 26 |
| 2.4.2 Borang Kaji Selidik Pengunjung..... | 27 |
| 2.5 ANALISIS DATA | 28 |
| BAB 3..... | 29 |
| DAPATAN KAJIAN A – USAHAWAN | 29 |
| 3.1 PENGENALAN..... | 29 |
| 3.2 JANTINA | 29 |
| 3.3 UMUR..... | 30 |
| 3.4 AGAMA DAN BANGSA..... | 31 |
| 3.5 TAHAP PENDIDIKAN | 31 |
| 3.6 STATUS PERKAHWINAN | 32 |
| 3.7 BILANGAN ISI RUMAH..... | 33 |
| 3.8 MUKIM..... | 33 |
| 3.9 PERMULAAN BERNIAGA..... | 34 |
| 3.10 NAMA SYARIKAT USAHAWAN | 34 |
| 3.11 JENIS MILIKAN PERNIAGAAN | 35 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Negeri Kelantan Darul Naim merupakan salah satu daripada 13 buah negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu atau Malaysia. Bersempadan dengan Thailand, Kelantan terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan. Turut dikenali sebagai negeri Cik Siti Wan Kembang, negeri ini mempunyai keluasan tanah kira-kira 15, 104.62 km² dengan Kota Bharu sebagai ibu negeri.



Rajah 1: Kedudukan Negeri Kelantan di Semenanjung Malaysia